

Kontinjen PALAPES Darat muncul johan dalam Pertandingan Kawad Kaki Seantero UMS

NST 10.5.2016 4

KOTA KINABALU: Kontinjen PALAPES Darat muncul johan dalam Pertandingan Kawad Kaki Seantero UMS anjuran Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU), Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Tempat kedua dimenangi oleh KOR SUKSIS manakala tempat ketiga jatuh kepada PALAPES Udara, sementara tempat keempat SISPA dan tempat kelima PALAPES Laut.

Pertandingan kawad kaki itu disertai oleh lima badan beruniform UMS terdiri daripada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES Darat, Udara, dan Laut), Sukarelawan Siswa-Siswi Polis (SUKSIS), dan Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA).

Majlis perasmian pertandingan itu telah disempurnakan oleh Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha yang juga pensyarah Sains Sukan UMS, Left. Kol. (PA) Dr. Mohamad Nizam Nazardin.

Acara tersebut yang di-

adakan di Padang Kawad, UMS bermula pada jam 6.00 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengahari itu mendapat penajaan sepenuhnya dari Jabatan Penerangan Sabah dan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.

Menurut Pengarah program yang juga pelajar tahun satu UMS, Muhammad Yusri Hassan, pertandingan tersebut diadakan untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan unit beruniform KKTU.

Beliau berkata, matlamat pertandingan itu adalah untuk mendedahkan pelajar dan ahli jawatankuasa pelaksana dan peserta mengenai teknik, formasi dan kepelbagaian dalam seni kawad kaki.

"Di samping itu, program sebegini juga dapat mengeratkan jalinan yang kuat dalam kalangan semua pelajar badan unit beruniform di UMS," katanya.


Antara juri pertandingan ialah PW U1 Mokhtar Regby yang juga ketua juri, dibantu oleh BM PAP (GI) Franky

Anak Unyat, PBT Rossaidi Hashim, KPL Sopian, Tuan Zaidi Zakaria, SJN Jairo Samuein dan SJN Salleh Asin Halail.

Berdasarkan cabutan undi oleh para jurulatih badan unit beruniform dalam mesyuarat yang telah diadakan, pertandingan kawad kaki itu dimulakan oleh Palapes Laut diikuti oleh Palapes Darat, Palapes Udara, Kor Suksis dan diakhiri oleh SISPA.

Acara tersebut turut disertakan dengan persembahan tarian daripada wakil tahun 1 KOR SUKSIS UMS yang merupakan pemenang tempat ketiga dalam pertandingan KKTU Got Talent.

Pertandingan itu telah berjalan dengan lancar dan kesemua badan unit beruniform juga telah menunjukkan persembahan yang baik, justeru, pihak penganjur berharap program sedemikian akan dapat diteruskan pada masa akan datang. - OLEH JOANES ROBERT JOHNNY - joanes@newsabah-times.com.my



KENANGAN ... Para peserta bersama pengetua, juri dan jurulatih masing-masing.